



8 ditahan, keluar masuk Malaysia 'angkat tangan'

Polis kesan ada menyamar penguat kuasa untuk pelepasan

Oleh Sharifah Mahsinah Abdullah
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Polis mendedahkan taktik lama masih digunakan pihak tertentu, termasuk penjawat awam, untuk menyeberangi sempadan Malaysia-Thailand tanpa dokumen perjalanan sah dengan hanya mengangkat tangan ketika melalui Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS).

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat, berkata kejadian terbaru berjaya dibongkar polis pada Selasa lalu apabila lapan individu, termasuk dua wanita ditahan selepas memasuki Kelantan tanpa dokumen sah melalui ICQS Rantau Panjang.

Beliau berkata, mereka yang menaiki dua kereta ditahan anggota Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) yang bertugas di kompleks itu ketika dalam perjalanan dari Sungai Golok, Thailand, untuk memasuki Kelantan pada kira-kira jam 5.30 petang.

Guna laluan khas

Katanya, siasatan mendapati, mereka sebelum itu masuk ke pekan Sungai Golok, Thailand melalui laluan VIP selepas seorang pemandu mengangkat tangan kepada pegawai bertugas di ICQS Rantau Panjang sebagai isyarat untuk melintas.

"Kes yang berjaya dibongkar ini membuktikan kaedah mengangkat tangan untuk menyeberangi sempadan Malaysia-Thailand tanpa dokumen sah masih wujud khususnya dalam kalangan pegawai kerajaan dari dalam dan luar negeri ini.

"Kebanyakan mereka menggunakan laluan khas 'VIP lane' untuk keluar masuk ke Thailand menggunakan kenderaan jenis sedan, selain kereta

mewah dengan alasan mahu bersantai, menjamu selera bersama rakan atau urusan perniagaan.

"Ada juga yang menyamar sebagai pegawai penguat kuasa untuk mendapat pelepasan hanya dengan mengangkat tangan tanpa menyerahkan dokumen perjalanan sah sebelum memasuki Thailand dan kemudian masuk semula ke negara ini," katanya.

Mohd Yusoff berkata, polis tidak akan berkompromi terhadap pihak yang melanggar undang-undang dan jika ditangkap, mereka boleh didenda atau dipenjarakan mengikut Akta Imigresen.

Susulan itu, beliau berkata, anggota yang bertanggungjawab terhadap kawalan sempadan, terutama di kompleks ICQS perlu melaksanakan tugas dengan tegas dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan undang-undang negara.

"Selain menggunakan laluan VIP, ada juga yang sanggup menggunakan laluan kenderaan berat atau lori untuk menyeberangi sempadan," katanya.